




Laporan Tahunan

2018

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI SARAWAK

Strategy Oriented, Productivity, **A**ccountability, **N**eutrality, **S**peed



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK



ISI KANDUNGAN

ANNUAL REPORT

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

2018

Perutusan Pengerusi	2	Carta Organisasi SPANS	21
Mukadimah	5	Senarai Perjawatan dan Kakitangan	23
Keanggotaan SPANS	6	Kewangan 2018	26
Sejarah SPANS	9	Pengambilan	28
Mantan Pengerusi-Pengerusi SPANS	11	Kenaikan Pangkat	32
Visi & Misi SPANS	13	Perkhidmatan	35
Fungsi-fungsi SPANS	15	Tatatertib	37
Perwakilan Kuasa	17	Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak (BPKNS)	39
Sumber Rujukan Utama Mengendali Perkhidmatan	19	Lensa	43



PERUTUSAN PENGGERUSI

Perutusan Pengerusi



PERUTUSAN PENERUS

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan untuk tahun 2018, sejajar dengan peruntukan Artikel 36 (8) Perlembagaan Negeri Sarawak. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak kerana memberikan kepercayaan kepada kami untuk menjalankan tugas – tugas Suruhanjaya sepanjang tahun 2018.

Tahun 2018 adalah tahun bersejarah bagi negara kita di

mana berlakunya perubahan politik yang memberi impak khususnya di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Apa pun, selaku institusi yang dilahirkan oleh Perlembagaan Negeri adalah amat penting bagi SPANS mengendalikan peranan yang termaktub secara munasabah, adil dan saksama dan senantiasa prihatin kepada ekspektasi rakyat Sarawak. Bagi menjamin SPANS sebagai sebuah badan yang bebas maka halatuju SPANS berpaksikan kepada dua faktor utama. Pertama, bebas dari sebarang tindak - tanduk yang boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat. Kedua, sebagai badan separa kehakiman, SPANS harus peka dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada agar semua keputusan yang dibuat menepati tuntutan keadilan asasi (law of natural justice).

SPANS akan terus melaksanakan transformasi Perkhidmatan Awam Negeri dengan memperkasakan Perkhidmatan Awam melalui modal insan yang berbakat, komited dan berdisiplin. Di samping itu, SPANS akan mengerakkan inisiatif pengisian penuh pengambilan kakitangan awam dalam tempoh dua (2) tahun akan datang (2019-2020) bagi memastikan rakyat Sarawak merebut peluang pekerjaan khususnya dalam Perkhidmatan Awam Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sehubungan itu, jutaan terima kasih kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan dan semua pihak terlibat atas kerjasama erat yang telah diberikan kepada SPANS sepanjang tahun 2018. Ucapan penghargaan juga kepada Timbalan Pengerusi, Ahli-Ahli Suruhanjaya dan urusetia SPANS atas prestasi tinggi yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas masing-masing.

Semoga kerjasama dan komitmen ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

A handwritten signature in black ink, reading 'A. G. K.' followed by a stylized flourish.

(DATU ABDUL GHAFUR BIN SHARIFF)

Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Sarawak

LOGO SPANS

Tiga Warna

Asas

mewakili warna bendera Negeri Sarawak.

Warna hitam

memberi maksud keteguhan, dedikasi dan sentiasa bersedia. Keteguhan yang dimaksudkan di sini ialah keteguhan di dalam menjalankan perkhidmatan serta dedikasi di samping sentiasa berkhidmat sesuai visi dan misi Suruhanjaya.

Bulatan

melambangkan tenaga dan kekuatan serta kemampuan untuk membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan.

Warna kuning

menggambarkan kepatuhan kepada Perundangan dan Peraturan serta mengamalkan prinsip keadilan dan kesaksamaan.

Dua belas

jalur merah melambangkan dua belas bahagian yang terdapat di Negeri Sarawak

Warna merah

melambangkan ketegasan dan ketelusan dalam menjalankan fungsi-fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

Speed @ Sense of Urgency
Productivity @ Professionalism
Accountability & Integrity,
Neutrality & Impartiality
Strategy Oriented



MUKADIMAH

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) ini disediakan untuk memenuhi Artikel 36(8), Perlembagaan Negeri Sarawak. Menurut Artikel tersebut, Suruhanjaya hendaklah menyediakan satu laporan tahunan mengenai perkhidmatannya kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan salinannya diedarkan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri.

Selaras dengan itu, Laporan Tahunan SPANS ini merangkumi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh SPANS dan yang telah diwakilkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Ketua-ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 berkuatkuasa mulai 17 Januari 2004.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 954 jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (637 orang) dan Pihak Berkuasa Tempatan (317 orang) telah diisi 317 orang. Ia merangkumi; 12 orang untuk gred 41, 56 orang untuk gred 29, 244 orang untuk gred 19 dan 642 orang untuk gred 11.



KEANGGOTAAN SPANS

Keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Sarawak (SPANS)

Menurut Artikel 35(1), Perlembagaan Negeri Sarawak (Pindaan 1993), keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada empat (4) atau tidak lebih daripada sembilan (9) orang ahli. Keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:



**Datu Abdul Ghafur
bin Shariff**
Pengerusi



**Datu Romie Sigan
Daniel**
Timbalan Pengerusi



**Datu Robert Lian
Balangalibun**
Ahli



**Datu Abdullah bin
Adam**
Ahli



**Dato Hajjah Rabiah
binti Haji Johari**
Ahli



Encik Chai Moi Fong
Ahli



**Dr. Peter anak
Songan**
Ahli

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS)

Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bersama Setiausaha Suruhanjaya (2018)



Duduk (dari kiri):

Datu Romie Sigan Daniel (Timbalan Pengerusi), **Datu Abdul Ghafur bin Shariff** (Pengerusi) dan **Datu Robert Lian Balangalibun** (Ahli)

Berdiri (dari kiri):

Dr. Peter anak Songan (Ahli), **Encik Chai Moi Fong** (Ahli), **Encik Fathi bin Haji Hambali** (Setiausaha), **Dato Hajjah Rabiah binti Johari** (Ahli), dan **Datu Abdillah bin Adam** (Ahli).



SEJARAH SPANS



Sejarah Penubuhan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) telah ditubuhkan pada 1 November 1961 di bawah *The Sarawak (Public Service Commission) Order in Council*, 1961. Ia berfungsi untuk menasihati Gabenor selaras dengan *Order in Council* tersebut dan apa-apa juga peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa sehingga 15 September 1963.


Artikel 35(1), Perlembagaan Negeri Sarawak menyatakan bahawa keanggotaan SPANS adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang dari empat (4) dan tidak lebih dari sembilan (9) orang Ahli. Manakala, pentadbiran dan urusan harian SPANS dilaksanakan oleh Urusetia yang diketuai oleh Setiausaha SPANS.

Sejak penubuhan, seramai sembilan (9) orang Mantan Pengerusi telah dilantik sebelum Pengerusi yang sedia ada.



MANTAN PENGGERUSI- PENGGERUSI SPANS

MANTAN Pengerusi-Pengerusi SPANS





VISI & MISI SPANS

VISI & MISI SPANS



VISI

Menjadi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bertaraf Dunia Menjelang 2030



MISI

Komited Dalam Menyediakan Modal Insan Yang Berkualiti Untuk Mencapai Kecemerlangan Perkhidmatan Awam





FUNGSI-FUNGSI SPANS

FUNGSI-FUNGSI SPANS



Bermula pada 1 Julai 2000, dengan berkuatkuasanya *Local Authority Service Regulations 2000*, SPANS merupakan kuasa melantik, mengesahkan jawatan dalam perkhidmatan, menaikkan pangkat dan mengawal disiplin kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala kelulusan untuk pemberian taraf berpencen adalah bidang kuasa pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Melalui Artikel 36(6), Perlembagaan Negeri Sarawak, SPANS telah mewakilkan kuasa-kuasanya kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak (SUK) dan Ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 yang berkuatkuasa pada 17 Januari 2004. Ianya menggantikan Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 1998.

BPKNS

SPANS juga dipertanggungjawabkan untuk mengurus Basiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak
(Artikel 39 (3), Perlembagaan Negeri Sarawak)



PERWAKILAN KUASA

Melalui Artikel 36(6), Perlembagaan Negeri Sarawak, SPANS telah mewakilkan kuasa-kuasanya kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak (SUK) dan Ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-kuasa), 2004 yang berkuatkuasa pada 17 Januari 2004. Ianya menggantikan Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-kuasa), 1998.

SUK & KETUA JABATAN

Melantik mana-mana orang di dalam mana-mana jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing bagi **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah) sama ada jawatan tersebut bertaraf tetap dan berpenyen, tetap dan tidak berpenyen yang dikenali sebagai Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) semenjak 12 April 2007 (Surat Pekeliling Ruj. 19/EO/2466/Jld.24), atau pelantikan secara kontrak atau secara sementara.

Menamatkan pelantikan perkhidmatan mana-mana pegawai yang dilantik seperti yang dinyatakan yang **masih di dalam tempoh percubaan**.

Melanjutkan tempoh percubaan pegawai yang dilantik selama mana perlanjutan tempoh tersebut tidak melebihi tempoh yang ditetapkan dalam Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 (Swk. L.N.1/96).

Melantik dan menamatkan pelantikan memangku atau menjalankan tugas mana-mana pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di jabatan masing-masing (kecuali jawatan Timbalan Pengarah), sama ada atau tidak menjalankan tugas jawatan hakiki pegawai tersebut, tetapi **tidak melebihi 180 hari bekerja** kecuali setelah mendapat kelulusan SPANS.

SUK

Mengesahkan pelantikan mana-mana jawatan pegawai **Gred 27 dan ke atas** (selain daripada jawatan yang dilantik di bawah Artikel 11 atau yang dilantik di bawah Artikel 36(4), Perlembagaan Negeri Sarawak).

Pertukaran tempat bertugas mana-mana penjawat awam negeri dari satu kementerian atau jabatan ke kementerian atau jabatan yang lain atau sebaliknya, tanpa melibatkan penurunan pangkat.



SUMBER RUJUKAN UTAMA MENGENDALI PERKHIDMATAN

SUMBER RUJUKAN UTAMA MENGENDALI PERKHIDMATAN

Selain menguatkuasa pemakaian Pekeliling, Surat Pekeliling & polisi dalaman yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dalam menjalankan peranan dan fungsi SPANS sebagai Pihak Berkuasa Melantik kepada Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan agensi Pihak Berkuasa Tempatan, sumber rujukan utama adalah seperti berikut : -

Perlembagaan Malaysia

Perlembagaan Negeri Sarawak

**Kaedah-Kaedah Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam Negeri
Sarawak 1996
(SWK. LN 14/1996)**


**Perintah-Perintah Am
Perkhidmatan Awam Negeri
Sarawak 1996 (SWK. LN. 1/1996)**

**Local Authorities Sarawak
Regulation 2000 (SWK.
LG.16/2000)**



CARTA ORGANISASI SPANS

CARTA ORGANISASI





SENARAI PERJAWATAN & KAKITANGAN

Senarai Perjawatan dan Kakitangan SPANS TAHUN 2018

Bil	Nama & Gred Jawatan	Taraf Jawatan	Bil. Jawatan	Penyandang
1.	Setiausaha, N54	Tetap	1	Fathi bin Haji Hambali
2.	Ketua Penolong Setiausaha, N52	Tetap	1	Haji Sebi bin Haji Abang
3.	Ketua Penolong Setiausaha, N48	Tetap	1	Mohamad Azlan bin Madihi
4.	Penolong Setiausaha, N41	Tetap	2	a) Siti Rafeah binti Abdul Rahman b) Khairul Ridza bin Wahed
5.	Penolong Setiausaha, N41	JBC	3	a) Julia Ho binti Mohd Jeffri b) Rafi'uddin bin Rasman c) Catherina anak Jackson Blanda
6.	Penolong Pegawai Tadbir N36	Tetap	1	Dayang Maskamala binti Abang Saibi
7.	Penolong Pegawai Tadbir, N29	Tetap	2	a) Amrul bin Haji Yusup b) Muhammad Hafiz bin Kepli
8.	Penolong Pegawai Tadbir, N29	JBC	1	Dayang Normasni binti Abang Julaihi
9.	Setiausaha Pejabat, N29	Tetap	1	Favarina binti Bujang
10.	Setiausaha Pejabat, N29	Tetap	1	Kosong
11.	Pembantu Tadbir (Kewangan), W29	Tetap	1	Simbah anak Libu
12.	Pembantu Tadbir (Kewangan), W22	Tetap	1	Zallina binti Seron
13.	Pembantu Tadbir (P/O), N22	Tetap	2	a) Mohd. Easkandar bin Mohd. Eastern b) Abdul Aziz bin Abdul Razak
14.	Pembantu Tadbir (Kewangan), W19	Tetap	1	Julipah binti Sutiman
15.	Pembantu Tadbir (P/O), N19	Tetap	9	a) Muhammad Akmal bin Ismani b) Ali bin Mohamad c) Corina anak Bernard d) Hassanah binti Jainal e) Monica anak Sapin f) Nyam Siew Ling g) Endu Maureen anak Nicholas Juna h) Roslina binti Muran i) Abang Nuaimi bin Abang Mani
16.	Pembantu Tadbir (P/O), N19. (Tukar Lantik dari jawatan Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip), N11)	Tetap	4	a) Kosong b) Hajjah Norliza binti Haji Pitani c) Hadzlina binti Drahim d) Rosemaria anak Jeron
17.	Pembantu Tadbir (P/O), N19 (TBK)	JBC	1	Rozita binti Daud
18.	Pembantu Tadbir (P/O), N19	JBC	1	Stephanie anak James
19.	Pembantu Awam, H14	Tetap	1	Dayang Konon binti Awang Johari
20.	Pembantu Operasi, N11	Tetap	1	Matelan bin Saleman
21.	Pemandu Kenderaan, H11	Tetap	2	a) Abdul Halim bin Jarni b) Welfread Semister anak Hong Ping
22.	Pemandu Kenderaan, H11	JBC	1	Azlan Adidi bin Jamal
23.	Pemandu Kenderaan, H11	Kontrak	1	Ahmad Johan bin Rasli@Rosli
24.	Pembantu Awam, H11	Tetap	1	Elizabeth Khung
		JUMLAH	41	

Nota: JBC : Jawatan Berasaskan Caruman

URUSETIA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS)



Duduk (dari kiri):

Haji Sebi bin Haji Abang (Pegawai Tadbir,N52), **Encik Fathi bin Haji Hambali** (Setiausaha,N54), **Encik Mohamad Azlan bin Madihi** (Pegawai Tadbir, N48)

Berdiri (dari kiri):

Encik Khairul Ridza bin Wahed (Pegawai Tadbir,N41), **Encik Amrul bin Haji Yusup** (Penolong Pegawai Tadbir,N29), **Puan Dayang Maskamala binti Abang Saibi** (Penolong Pegawai Tadbir,N36), **Puan Catherina anak Jackson Blanda** (Pegawai Tadbir,N41), **Cik Julia Ho binti Mohd Jeffri** (Pegawai Tadbir,N41), **Cik Dayang Normasni binti Abang Julaihi** (Penolong Pegawai Tadbir,N29), **Cik Siti Rafeah binti Abdul Rahman** (Pegawai Tadbir,N41), **Encik Muhammad Hafiz bin Kepli** (Penolong Pegawai Tadbir,N29) dan **Encik Rafi'uddin bin Rasman** (Pegawai Tadbir,N41).



KEWANGAN 2018

KEWANGAN

PR: RM889,250.00

PB: RM702,332.90

BP: RM186,917.10

PR: RM2,250.00

PB: RM1,852.38

BP: RM397.62

112%
EMOLUMEN

79%
BEKALAN &
PERKHIDMATAN

82%
ASET

95%
GERAN &
PEMBAYARAN
TETAP

PR: RM1,529,170.00

PB: RM1,720,232.13

BP: RM(191,062.13)

PR: RM5,242,500.00

PB: RM4,995,840.18

BP: RM246,659.82

Nota : Perbelanjaan melebihi peruntukan

PR: RM7,663,170.00

PB: RM7,420,257.59

PB: RM242,912.41

97%
PERBELANJAAN
KESELURUHAN

PR: Peruntukan
PB: Perbelanjaan
BP: Baki Peruntukan



PENGAMBILAN

PENGAMBILAN

Pemohon Berdaftar Dalam
e-Recruitment pada Tahun 2018



346k
Permohonan

Permohonan Jawatan Kosong

Sepanjang tahun 2018, sebanyak **346,641** permohonan telah didaftarkan untuk mengisi **954** jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan.

4,449
Calon

Calon Dipanggil Temuduga

Jumlah calon yang berjaya melepasi tapisan dan menghadiri sesi temuduga mengisi jawatan kosong sepanjang tahun 2018 adalah **4,449** orang.

LELAKI PEREMPUAN JUMLAH

Gred 41 2,079 4,084 6,163

Gred 29 10,756 23,168 33,924

Gred 19 98,222 136,548 234,770

Gred 11 45,121 26,663 71,784

156k 190k 346k

LELAKI PEREMPUAN JUMLAH

Gred 41 11 26 37

Gred 29 29 52 81

Gred 19 405 1,261 1,666

Gred 11 2,408 257 2,665

2,853 1,596 4,449

954
Orang

Calon Yang Berjaya

Daripada 4,449 calon yang dipanggil temuduga untuk mengisi jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), hanya 954 orang calon telah dipilih.

* Urusan Pengambilan diturunkan kepada SUK & Ketua Jabatan.

Gred 41

PANS
*

PBT
12

JUMLAH
12

Gred 29

PANS
*

PBT
56

JUMLAH
56

Gred 19

PANS
149

PBT
95

JUMLAH
244

Gred 11

PANS
488

PBT
154

JUMLAH
642

**Jumlah
Keseluruhan**

637

317

954

16
Orang

Pelantikan Semula Selepas Bersara

Gred VU2-VU7

1

Gred 54-41

2

Gred 40-27

3

Gred 26-17

10

Gred 16-1

0

Pengambilan di bawah Perwakilan Kuasa

Melalui Arahan SPANS (Perwakilan Kuasa), 2004, urusan pengambilan Gred 29 ke atas dikendalikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Jabatan.

Jawatan	Jawatan	Gred	Bilangan Dilantik
UNIT KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN NEGERI	PEGAWAI KESELAMATAN	KP41	1
	PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN	KP29	1
JABATAN HUTAN SARAWAK	PEGAWAI HAL EHWAL EKONOMI	E41	1
	PEGAWAI PENYELIDIK	Q41	3
	PEREKA	B29	1
	PENOLONG PEMELIHARA HUTAN	G29	6
JABATAN PERTANIAN SARAWAK	PEGAWAI HAL EHWAL EKONOMI	E41	1
	PEGAWAI PENYELIDIK	Q41	3
	PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN	G29	10
	PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT	S29	5
JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK	JURUUKUR	J41	1
	PEGAWAI PENGUATKUASA	KP41	2
	PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA	KP29	1
	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA	JA29	6
	PENOLONG PENTADBIR TANAH	NT29	14
	PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN	W29	7
JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK	JURUTERA (AWAM)	J41	1
	JURUTERA (MEKANIKAL)	J41	1
	PENOLONG JURUTERA	JA29	1
JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29	5
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN SARAWAK	PENOLONG JURUTERA (AWAM)	JA29	1
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK	ARKITEK LANDSKAP	J41	1
	PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG	L29	1
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK	PEGAWAI VETERINAR	GV41	3
	PENOLONG PEGAWAI VETERINAR	G29	1
JUMLAH			78




KENAIKAN PANGKAT

KENAIKAN PANGKAT

Kenaikan Pangkat Secara Hakiki

Bagi tempoh bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018, seramai 662 orang calon telah dipanggil untuk sesi temuduga. Daripada jumlah tersebut seramai 383 kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dinaikkan pangkat oleh Suruhanjaya.



Analisa Kumpulan Pelaksana

Terdapat pengurangan dalam pengisian jawatan kosong kenaikan pangkat bagi kumpulan Pelaksana pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 disebabkan faktor-faktor berikut :-

- Kebanyakan Jawatan di gred 22 dan ke atas bagi kumpulan Pelaksana telah diisi pada tahun 2017
- Kurang pewujudan jawatan baru kenaikan pangkat
- Jawatan yang jatuh kosong disebabkan kenaikan pangkat dan persaraan wajib pegawai juga berkurangan pada tahun 2018.


Analisa Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Terdapat pertambahan jumlah dalam pengisian jawatan kosong kenaikan pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 disebabkan faktor-faktor berikut :-

- Kebanyakan pegawai di gred 44 dan ke atas telah memenuhi kriteria-kriteria kenaikan pangkat untuk ke gred yang seterusnya seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 11 Tahun 2017.
- Pegawai di gred 41 juga telah memenuhi syarat enam (6) tahun untuk ditemuduga ke jawatan Fleksi 44.

Kenaikan Pangkat Secara *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK)

Bagi urusan kenaikan pangkat secara TBK, seramai 114 orang kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dinaikkan pangkat untuk tempoh bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018.





PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN

628

890

27

296

Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Suruhanjaya meluluskan perakuan pengesahan dalam perkhidmatan setelah diproses mengikut Kaedah 10 (1) & (2) Kaedah – Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak serta mematuhi ketetapan Perintah Am 27 Perintah - Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996.

Pengesahan Pertukaran Pelantikan

Perlanjutan Tempoh Percubaan

Pelanjutan tempoh percubaan bagi kakitangan PANS dan PBT mendapat kelulusan Suruhanjaya setelah diproses mengikut Kaedah 10(1), (2) & (3) Kaedah – Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan mematuhi ketetapan Perintah Am 27 Perintah-perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 1996.

Pemberian Taraf Berpencen

Pemberian taraf bagi kakitangan PANS yang membuat opsyen pencen adalah mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan Perintah Am 30 (3) dalam Perintah – perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, 1996.

*Data ini tidak termasuk kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana kelulusan pemberian taraf berpencen menurut Akta Pencen 1980 - PBT (Akta 239) adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Pemangkuan dan Penanggungan Kerja

Pelantikan memangku dan menanggung kerja yang diluluskan SPANS adalah untuk tempoh melebihi 180 hari sahaja. Bagi tempoh kurang 180 hari, kelulusan adalah di bawah bidang kuasa ketua jabatan.

50

146

Gred Lantikan

Gred Kenaikan Pangkat

0
Memangku

50
Menanggung Kerja

103
Memangku

43
Menanggung Kerja

538
PANS

90
PBT

463
PANS

427
PBT

10
PANS

17
PBT

189
Gred 1-11

47
Gred 1-11

166
Gred 8-16

397
Gred 8-16

0
Gred 11

0
Gred 11

61
Gred 11

0
VU7-VU3

0
VU7-VU3

2
VU7-VU3

0
VU7-VU3

120
Gred 17-19

33
Gred 17-19

115
Gred 17-19

8
Gred 17-19

10
Gred 19&17

7
Gred 19

112
Gred 19

0
Gred 41-54

8
Gred 41-54

91
Gred 41-54

39
Gred 41-54

89*
Gred 27-29

10
Gred 27-29

182*
Gred 27-40

22
Gred 27-40

0
Gred 29

10
Gred 29

44
Gred 29

0
Gred 29-40

18
Gred 29-40

6
Gred 29-40

2
Gred 29-40

140*
Gred 41

0
Gred 41

0
Gred 41 ke atas

0
Gred 41 ke atas

0
Gred 41

0
Gred 41

79
Gred 41

0
Gred 1-26

24
Gred 1-26

4
Gred 1-26

2
Gred 1-26

*411 orang

Diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri mengikut Arahan Suruhanjaya (Perwakilan Kuasa) 2004



TATATERTIB

TATATERTIB

PBT 10 (26%)



PANS 28 (74%)

Sepanjang tahun 2018 Suruhanjaya telah memutuskan sebanyak 38 kes tatatertib, iaitu 28 kes dari PANS dan 10 kes dari PBT. Kes tatatertib ini diputuskan mengikut Kaedah 39, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, 1996 (KKSPA), Seksyen 18, Akta Acara Kewangan, 1957 dan Peraturan 39, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan, 2000.

PANS : Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
PBT : Pihak Berkuasa Tempatan



Sektor	Kesalahan	Hukuman Tatatertib	Pengurusan & Professional	Pelaksana	Jumlah
PANS	Dadah	Buang Kerja	-	4	4
	Jenayah	Cela	-	2	2
	Ponteng kerja	Buang Kerja		6	6
		i. Cela	-	1	1
		ii. Lucut hak emolumen			
		i. Cela	-	8	8
	ii. Lucut hak emolumen				
	iii. Turun Gaji/Tangguh Pergerakan gaji				
	Cuai	Cela	4	1	5
Tidak Jujur	Buang Kerja	-	1	1	
Membelakangkan Tugas Awam	Buang Kerja	-	1	1	
Jumlah PANS			4	24	28
PBT	Dadah	Buang Kerja	-	3	3
	Ponteng Kerja	Buang Kerja	-	3	3
		i. Cela	-	1	1
		ii. Lucut hak emolumen			
		iii. Turun Gaji/Tangguh Pergerakan gaji			
		Warta di bawah Peraturan (32)(3) PPBT,2000	-	3	3
Jumlah PBT			-	10	10
Jumlah Keseluruhan			4	34	38





BIASISWA PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BPKNS

Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak (BPKNS)

BPKNS merupakan skim bantuan kewangan kepada pelajar Sarawak peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Permohonan boleh dibuat melalui e-Scholarship.

* Pinjaman Pendidikan tertakluk dengan syarat-syarat pembiayaan BPKNS




**Permohonan
2018 : 2,159**

Daripada jumlah itu seramai **941** calon penerima BPKNS telah dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga


347 Pelajar baru yang berjaya menerima BPKNS bagi tahun 2017

242
70% **Ijazah Sarjana Muda**

105
30% **Diploma**



25%



75%



**Peruntukan:
5,236,500.00**

**Perbelanjaan:
5,182,696.97**

BIDANG PENGAJIAN PELAJAR BARU PENERIMA BPKNS SESI 2018



Bayaran Balik Biasiswa Pinjaman

AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

Setakat 31 Disember 2018, jumlah bayaran balik yang masih tertunggak adalah seperti maklumat berikut;

Bil	Tempoh ABT	Jumlah (RM)	Tindakan Susulan
1.	Hingga satu tahun	30,587.03	Bagi mengurangkan ABT ini, urusetia BPKNS telah merancang dan bertindak secara berterusan menghubungi bekas pelajar tajaan menerusi telefon dan menghantar surat peringatan membayar serta notifikasi secara automatik menerusi <i>e-mail</i> dan SMS dalam sistem <i>e-Scholarship</i> pada setiap 28hb.
2.	Lebih dari satu tahun hingga dua tahun	140,571.20	
3.	Lebih dari dua tahun hingga tiga tahun	156,831.11	
4.	Lebih dari tiga tahun	1,310,569.50	
Jumlah		1,638,558.84	

KUTIPAN BAYARAN BALIK

Bayaran balik pinjaman yang ditetapkan kepada setiap pelajar adalah 25% daripada jumlah tajaan. Sehingga 31 Disember 2018, sejumlah 848,707.26 telah berjaya dikutip. Mod kutipan diterima adalah seperti berikut;

Jenis Hasil Kutipan	Mod Terimaan				Jumlah (RM)
	Kaunter (RM)	Online (RM)	Manual (RM)	<i>Electronic Fund Transfer (RM)</i>	
BPKNS (85300)	322,183.11	455,594.55	11,997.00	57,282.60	847,057.26
*Sarawak Government Student Loan (85200)	1,650.00	0	0	0	1,650.00
Jumlah	323,833.11	455,594.55	11,997.00	57,282.60	848,707.26

*Nota: Sarawak Government Student Loan hanya ditawarkan sehingga tahun 1974 dan digantikan dengan BPKNS



LENSA



5 Jan 2018

Majlis Bacaan Surah Yasin



18 Jan 2018

Pejabat SPANS

Mesyuarat Penyelarasan & Pemantauan DoP
(Fungsi-Fungsi yang telah diturunkan kuasa
kepada SUK & Ketua Jabatan) Bil.1/2018



22 Jan 2018

Taklimat Queue Management System oleh
Viscon Sdn. Bhd.

27 Jan 2018


Program Sukaneka SPANS 2018



Program ini dianjurkan oleh Kelab Rekreasi dan Sosial (KRDS) SPANS bertempat di Stadium Tertutup MBKS. Sukaneka ini diisi dengan aktiviti permainan bola tampar, dart belon, lari membawa bola ping pong dan bola berhalangan.

31 Jan 2018 | Pejabat SPANS

Majlis Serah Tugas Setiausaha Baharu



Mantan Setiausaha SPANS, Tuan Haji Adana bin Haji Jed (kiri) menyerahkan nota serah tugas kepada Setiausaha Baharu, Encik Fathi bin Haji Hambali disaksikan oleh YBhg. Datu Abdul Ghafur bin Shariff.

2 Feb 2018

Taklimat KIK Horizon Baharu oleh Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri (UPPN)



Taklimat disampaikan oleh Encik Dolhadi Haji Marzuki di Pejabat SPANS.



9 Feb 2018

Malam Jasamu Dikenang bersama mantan Setiausaha SPANS Tuan Haji Adana bin Haji Jed



9-11 Feb 2018

Lingga

CTC Mobile



11 Feb 2018

Majlis Persandingan Kakitangan SPANS Encik Rafi'uddin.

26 Feb 2018

Lawatan Penandaarasan Anugerah Pengurusan Pelanggan di Pejabat Daerah Sibu



9 & 11 Mac 2018 | BCCK

SCaTFAIR 2018



SPANS membuka ruang pameran semasa SCaTFAIR untuk mempromosi perkhidmatan SPANS kepada pelajar dan graduan terutamanya melalui sistem *e-Recruitment* dan *e-Scholarship*.



6 Mac 2018

Lawatan Kerja ke SPA Negeri Perak



20 Mac 2018

Pejabat SPANS

Kunjungan Sekretariat SPA, Malaysia untuk
persediaan Lawatan Kerja ke Kuching



28 Mac 2018

Serian

HR Visit & HR Clinic

7-8 April 2018

Sejiwa Senada 2018-Miri



Turut berkunjung Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (atas) dan mantan Setiausaha SPANS (bawah).



SPANS membuka ruang pameran semasa Sejiwa Senada di Miri untuk mempromosi perkhidmatan SPANS kepada orang awam

10 April 2018

Majlis Makan Malam Bersama SPA Malaysia



Majlis Makan Malam sempena Lawatan Kerja Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia ke Sarawak bertempat di Hotel Riverside Majestic.

21-22 April 2018

Sejiwa Senada 2018-Saratok



SPANS turut membuka ruang pameran semasa Sejiwa Senada di Saratok dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang awam.

24 April 2018 | Mahkamah Sivil Negeri

Majlis Angkat Sumpah sebagai Ahli Suruhanjaya



Majlis Angkat Sumpah YBhg. Dato Hajjah Rabiah binti Johari yang dilantik semula sebagai Ahli Suruhanjaya di hadapan Yang Arif Datuk Yew Jen Kie.



12 April 2018

HR Visit, Kapit



27 April 2018

Pejabat SPANS

Majlis Perpisahan Pelajar Praktikal



4 Mei 2018

Pejabat SPANS

Sambutan Hari Lahir Pengerusi SPANS, YBhg. Datu Abdul Ghafur bin Shariff.



5 Mei 2018

Majlis Persandingan
Kakitangan SPANS Encik Amrul
bin Haji Yusup

6 Mei 2018

Perlawanan Persahabatan Bola Tampar Antara SPANS dan PELITA



Program ini telah diadakan di Stadium Tertutup MBKS. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan semangat berpasukan antara kakitangan SPANS dan mengeratkan hubungan silaturahim serta membina jalinan kerjasama dengan jabatan/agensi lain.



Hari Ibu dan Bapa SPANS 2018 16 Mei 2018

Program ini diadakan untuk memperingati jasa dan pengorbanan serta menzahirkan penghargaan kepada kaum ibu dan bapa di kalangan Warga Kerja SPANS.



19 Mei 2018 Hotel Telang Usan

Ceramah BPKNS bersama
Persatuan Wanita Kelabit

22 Mei 2018

Kunjungan Hormat ke atas Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak



Ahli-ahli Suruhanjaya dan Setiausaha Suruhanjaya diketuai oleh YBhg. Datu Abdul Ghafur bin Shariff telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak di Astana Negeri Sarawak.

30 Mei 2018

Kunjungan Hormat ke atas YAB Ketua Menteri Sarawak



Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Setiausaha Suruhanjaya diketuai oleh YBhg. Datu Abdul Ghafur bin Shariff telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Ketua Menteri Sarawak di Wisma Bapa Malaysia. Turut menyambut rombongan SPANS ialah YB Timbalan Ketua Menteri Sarawak. (bawah kanan)

4 Julai 2018 | Grand Dormani Rajah Court Hotel

Majlis Gawai Raya SPANS 2018



YBhg. Pengerusi SPANS dan Timbalan Pengerusi SPANS menyalakan replika Meriam Buloh, sebagai Simbolik Perasmian Majlis Gawai Raya SPANS sambil ditemani oleh Ahli-Ahli SPANS dan Setiausaha SPANS.



12-13 Julai 2018 | Hotel Waterfront

Bengkel *Scorecard* SPANS 2018



Bengkel mengkaji semula *Scorecard* SPANS bersama Encik Gnanasegaran sebagai fasilitator yang pakar dalam penyediaan *Balanced Scorecard*.

24 Julai 2018

Kunjungan Hormat SPANS ke SPA Johor



Kunjungan Hormat SPANS ke SPA Johor bersempena Mesyuarat GMAC Bil.2/2018 yang berlangsung di Kota Iskandar, Johor. Rombongan SPANS turut dibawa mengelilingi Kota Iskandar dan melawat Dewan Undangan Negeri Johor (bawah kanan).

24 Julai 2018

Lawatan Sambil Belajar ke Forest City Johor



24 Julai 2018

Lawatan Sambil Belajar ke Laman Seni Warisan Johor



1 Ogos 2018 | Mahkamah Sivil Negeri

Majlis Angkat Sumpah atas Pelantikan Semula sebagai Ahli Suruhanjaya



Majlis Angkat Sumpah YBhg. Datu Abdul Ghafur bin Shariff sebagai Pengerusi Suruhanjaya dan YBhg. Dr Peter anak Songan sebagai Ahli Suruhanjaya di hadapan Yang Arif Datuk Yew Jen Kie.

7 Ogos 2018 | Pejabat SPANS

Lawatan Pengurusan Giat Mara Kuching



9 Ogos 2018 | Pejabat SPANS

Lawatan Pelajar PPKS, Miri



26 Ogos 2018 | Imperial Hotel, Kuching

Sesi Pembentangan Anugerah Pengurusan Pelanggan (APP)



19 September 2018 | Dewan Masyarakat Serian

Ceramah Sempena Karnival Pekerjaan OKU



23 Oktober 2018

Kunjungan Hormat SPANS ke SPA Negeri Sabah



Kunjungan Hormat SPANS ke SPA Negeri Sabah bersempena Mesyuarat GMAC Bil.3/2018 yang berlangsung di Pejabat SPA Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

24 Oktober 2018

Lawatan ke Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA) Culture Village



24 Oktober 2018

Majlis Makan Malam sempena Lawatan Kerja SPANS ke SPA, Negeri Sabah



25 Oktober 2018

Lawatan ke Gunung Kinabalu/ Taman-taman di Sabah



3 November 2018 | Pantai Pugu Lundu

Program Riadah dan Sukaneka SPANS



Kelab Sukan dan Rekreasi SPANS telah mengadakan Program Riadah dan Sukaneka pada 3 November bertempat di Pugu Beach, Lundu. Program yang telah dirasmikan oleh Setiausaha SPANS iaitu Encik Fathi bin Haji Hambali telah disertai oleh lebih 30 orang warga kerja SPANS serta keluarga. Antara aktiviti yang diadakan termasuklah permainan bola tampar, futsal, sukaneka dan *barbeque*.

23 November 2018

Hari Bersama Pelanggan SPANS 2018



SPANS buat julung kalinya mengadakan Hari Bersama Pelanggan bertempat di Pejabat SPANS untuk mendekatkan SPANS kepada masyarakat. Majlis Perasmian diserikan dengan kehadiran oleh YBhg. Datu William Patrick Nyigor, Pengarah Unit Sumber Manusia Negeri dan wakil-wakil jabatan dari Bangunan Wisma Satok.

26-27 November 2018

Bengkel *Revisit SPANS Scorecard* 2019



SPANS telah mengadakan sesi *Revisit SPANS Scorecard for 2019* bertempat di Hotel Riverside, Kuching yang turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Encik Gnanasageran selaku Konsultan *Scorecard* Negeri.

4 Disember 2018

Kunjungan Hormat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor ke SPANS



4 Disember 2018 | Imperial Hotel Kuching

Malam Penghargaan SPANS 2018



7 Disember 2018 | Pejabat SPANS

Kursus *Frontliner*



Bersama penceramah Kursus Encik Mohamad Ariff Azahari - *Principal Consultant of Positive Impressions*



Sekalung Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan semua pihak terlibat atas kerjasama erat yang telah diberikan kepada SPANS sepanjang tahun 2018. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua Ahli-Ahli Suruhanjaya dan Urusetia SPANS yang terlibat dalam penyediaan Laporan Tahunan ini.



SIDANG REDAKSI 2018

PENAUNG

Datu Abdul Ghafur bin Shariff

PENASIHAT

Fathi bin Haji Hambali

KETUA SIDANG REDAKSI

Mohamad Azlan bin Madihi

AHLI-AHLI

Rafi'uddin bin Rasman

Siti Rafeah binti Abdul Rahman

Catherina anak Jackson Blanda

Khairul Ridza bin Wahed

Dayang Maskamala binti Abang Saibi

Dayang Normasni binti Abang Julaihi

Muhammad Akmal bin Ismani

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) ini disediakan untuk memenuhi Artikel 36(8), Perlembagaan Negeri Sarawak. Menurut Artikel tersebut, Suruhanjaya hendaklah menyediakan satu laporan tahunan mengenai perkhidmatannya kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan salinannya diedarkan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

TINGKAT 9 & 10, WISMA SATOK, JALAN SATOK,
93400 KUCHING, SARAWAK.

NO. TELEFON : **082-23 6325 / 6554**

FAKS : **082-23 7010 / 7258**

LAMAN WEB : **www.psc.sarawak.gov.my**

Pencetakan :

HENG SING
BROTHERS PRESS

No. 37, Lot 75, Section 63, 1st Floor, Jalan Chan Bee Kiew, 93450 Kuching, Sarawak.
Tel : 082-336868 Fax : 082-339539 Email : hengsing@gmail.com Website : www.hsbp.com.my